

Hidup bersulam noda

“Cuma dua faktor penyebab keadaan itu berlaku iaitu individu atau pihak tertentu berkemungkinan mahu mendapatkan sumber kewangan dengan menjejaskan maruah dan reputasi seseorang selain cara meluahkan rasa marah serta tidak puas hati kerana tidak memperoleh apa yang di-hajati.

“Jika perkara itu benar, ia boleh dianggap memalukan kerana bukan hanya membabitkan individu yang mempunyai kedudukan dalam institusi masyarakat, malah tidak menghormati Ramadan,” kata pakar sosial Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

Beliau mengulas viral di media sosial mengenai dakwaan seorang wanita digelar ‘Zara’ yang menuduh seorang lelaki berkelulusan sebuah universiti Asia Barat berpangkat Datuk masih berhutang ribuan ringgit selepas mendapatkan khidmat seksnya.

Satu laman blog dipetik melaporkan akaun Facebook itu turut memaparkan wajah lelaki yang menjadi ‘pelanggan’ wanita berkenaan selain mengugut mahu

■ ‘Zara’ dakwa Datuk hutang ribuan ringgit lepas dapat khidmat



VIRAL Zara yang tersebar di internet.

menyebarkan foto bogel lelaki terbabit sekali gus mencetuskan pelbagai reaksi dan komen orang ramai. Selain menunjukkan rakan-kaman suara pelanggan di

“Sekiranya benar wujud permasalahan itu, mereka sepatutnya melakukan perbincangan terlebih dulu untuk mencari jalan penyelesaian terbaik mengatasinya termasuk menerusi pertemuan dua mata.

“Namun, jika ia masih tidak berhasil, mereka boleh merujuk perkara berkenaan kepada pihak berwajib untuk tindakan lanjut dan bukan dengan cara menghebahkannya di Internet sehingga menjadi topik perbualan umum,” katanya.

Beliau berkata, perkara itu berkemungkinan turut dilakukannya pihak tertentu yang mahu memanipulasi keadaan dan mendapatkan wang dengan cara mudah menerusi media sosial.

“Sebagai contoh, kita tidak mengetahui sama ada lelaki terbabit benar-benar melanggan wanita berkenaan atau sebaliknya. Ia mungkin ada individu yang sememangnya tidak berpuas hati dan mahu menjatuhkannya,” katanya.

telefon, wanita itu dikatakan mempunyai banyak pelanggan daripada golongan ahli kenamaan yang masih tidak melunaskan bayaran.

Menurut Mohammad Shatar yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), viral itu masih menimbulkan persoalan kerana tidak mengetahui keadaan sebenar yang berlaku antara kedua-dua pihak berkenaan.